

Perangi ajaran sesat

Oleh ASARI HAJI IBRAHIM

KUALA LUMPUR, Selasa — **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** hari ini menggesa seluruh umat Islam memerangi setiap unsur ajaran sesat dan kegiatan dakwah yang dihasratkan untuk kepentingan golongan tertentu yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam.

"Masyarakat Islam akan gagal dalam menunaikan tanggungjawabnya jika mereka membiarkan seseorang merendah-rendahkan kepercayaan mereka secara terang-terang," tegasnya.

Berucap merasmikan Muktamar Islam Abad ke-15 Hijrah di sini, Perdana Menteri mengingatkan, konsep kebebasan mutlak individu tidak mempunyai tempat dalam masyarakat Islam.

Bellau berkata, masyarakat mempunyai hak untuk mengawal dirinya dari ahli-ahli yang cuba merosak atau menggilrukan ahli-ahli lain.

Dalam hubungan ini, bellau mengingatkan bahaya yang mungkin timbul sekiranya setiap orang diberi kebebasan berdakwah kerana ia boleh menggilru dan mengakibatkan kehilangan kepercayaan di kalangan umat Islam yang tidak dapat membezakan antara yang benar dan yang salah.

"Kepentingan dakwah memang ketara di sini. Sekiranya ajaran Islam sebenar disebar, kita telah menunaikan suruhan Quran. Tetapi, untuk

menyebarkan tafsiran yang salah terhadap Islam tidak boleh dianggap sebagai dakwah," jelasnya lagi.

Menurutnya, Kerajaan Malaysia tidak membenarkan ahli-ahli mazhab yang dicap sebagai bukan Islam berdakwah untuk mengelakkan umat Islam dari keliru dan seterusnya tidak lagi merupakan umat Islam yang menurut ajaran Quran dan Sunnah Nabi.

Datuk Seri Dr. Mahathir sewaktu menyelar kegiatan setengah umat Islam yang cuba mengarahkan ajaran agama Islam ke matlamat lain, juga mendedahkan hasrat pihak-pihak tertentu yang memang ingin menggilru dan seterusnya memusnahkan kepercayaan umat Islam.

"Terdapat banyak buku mengenai Islam ditulis oleh pihak Zionis (Yahudi) dan orang-orang lain yang tidak berhasrat untuk menyebarkan syiar Islam.

"Di waktu yang sama, terdapat ramai umat Islam mempunyai pengetahuan agama yang cetek," jelasnya lagi.

Perdana Menteri berkata, sejarah Islam penuh dengan peristiwa bagaimana golongan yang menyeleweng ditubuhkan dan bagaimana pembunuhan dijadikan senjata oleh setengah kumpulan tersebut.

Dunia Islam hari ini, tegasnya, sekali lagi menyaksikan kemunculan kumpulan seumpama itu.

"Di Malaysia sendiri kita pernah menyaksikan percubaan membunuh ke atas rakyat dan kakitangan kerajaan yang tidak berdosa oleh puak-puak penyeleweng agama.

"Di kebanyakan kampung, orang-orang Islam berpecah-belah sehinggakan setengahnya tidak mahu bersembahyang di masjid yang sama, tidak mengiktiraf perkahwinan yang dijabkalkan oleh orang-orang yang mereka tidak suka atau menghadiri upacara sembahyang mayat saudara sesama Islam mereka yang dicap tidak Islam lagi," jelasnya.